

Headline	TNB buat pemeriksaan pastikan kejituan meter digital		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Sep 2013	Color	Black/white
Section	Sentral	Circulation	192,982
Page No	L-N8	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	73 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,280
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,841



TNB buat pemeriksaan pastikan kejituan meter digital

? Saya khuatir untuk menukar meter lama kepada meter digital baru seperti diminta Tenaga Nasional Berhad (TNB) kerana bimbang caj elektrik dikenakan agak tinggi.

Pengguna Bimbang

Alor Setar, Kedah

! Memang pihak kami ada menerima aduan berhubung dakwaan caj tenaga keterlaluan berikutan penggunaan meter digital berkenaan. Apabila menerima aduan, kami akan membuat pemeriksaan ke atas kejituan meter. TNB akan memantau keberkesanan meter digital ini bagi memastikan ia berfungsi dengan jitu dan tepat dalam memastikan pelaksanaan dan perkembangan meter digital ini. Jadi, pengguna tidak perlu bimbang dengan kadar

caj dikenakan.

Sehingga kini, terdapat lebih 600,000 pengguna TNB dan 500,000 daripadanya adalah pengguna rumah. Daripada jumlah itu, hanya 20 peratus sudah menukar meter lama kepada meter baru.

Suid Othman

Pengurus Besar
TNB Kedah